

31 AUG 2000

India-Teknologi/I

INDIA MINAT IMPORT TEKNOLOGI INFRASTRUKTUR MALAYSIA

Oleh: M.Saraswathi

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- India memuji teknologi infrastruktur Malaysia, dengan menganggapnya sebagai amat baik dan melahirkan minat untuk mengguna pakai teknologi itu.

"Kami amat berminat untuk membawa balik ide itu," kata Pesuruhjaya Tinggi India Ke Malaysia P.S Sahai kepada Bernama di sini.

Katanya India amat berminat untuk belajar dari Malaysia mengenai kaedah pantas yang digunakan dalam pelaksanaan pelbagai projek.

Syarikat-syarikat Malaysia telah memperolehi kontrak bernilai berbilion-bilion ringgit di India untuk membina lebuh raya, lapangan terbang dan pelabuhan.

Sahai, yang akan bersara mulai Sabtu ini, memuji keupayaan Malaysia untuk pulih dengan begitu cepat daripada krisis kewangan Asia pada 1997.

"Saya berpendapat Malaysia telah melakukannya dengan amat baik, pertumbuhan lapan peratus sejak dua dekad lepas merupakan satu pertumbuhan yang amat tinggi. Di sebalik masalah (krisis) pada 1997, Malaysia berupaya pulih dengan amat cepat daripada yang dijangkakan, malahan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Malaysia menggunakan caranya sendiri. Kerajaan Malaysia memutuskan untuk melakukan penyelesaian terbaik dan saya rasa cerita kejayaan Malaysia telah menyebabkan pakar-pakar mula berfikir untuk menyemak semula susun atur kewangan antarabangsa," kata Sahai.

Beliau juga melahirkan hasrat India untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala melalui kerjasama dalam pelbagai sektor seperti perdagangan, teknologi maklumat, pendidikan, pelancongan dan interaksi antara rakyat.

"Perdagangan dua hala pada masa ini amat menggalakkan dan kami mengalu-alukan lebih banyak perdagangan pada masa depan," katanya, merujuk kepada perdagangan yang berjumlah hampir US\$2.6 bilion pada 1999.

Katanya, Malaysia mempunyai banyak peluang dalam mengeksport lebih banyak ke India berbanding sebaliknya.

Sahai berkata pencapaian terbesar Malaysia di India ialah dalam memperolehi lebih banyak projek dalam sektor pembinaan jalan.

Baru-baru ini, syarikat-syarikat Malaysia telah memperolehi satu projek besar untuk membina sebahagian lebuh raya 13,000 km menghubungkan empat bandar raya metropolitan di India iaitu New Delhi, Mumbai, Calcutta dan Chennai.

India mengimport kelapa sawit dari Malaysia, menjadikannya pengimport terbesar kelapa sawit Malaysia tahun lepas.

Beliau berkata India dan Malaysia juga boleh meningkatkan kerjasama dalam bidang IT.

"Kami melihat kerjasama amat baik dengan Malaysia dalam bidang IT kerana terdapat beberapa pegawai dan syarikat India berada di Malaysia terbabit dalam pembangunan perisian. Saya berpendapat ia amat berjaya," kata Sahai.

Semasa bertugas di Malaysia, Sahai berkata beliau sedar bahawa rahsia kejayaan Malaysia mungkin disumbangkan oleh gabungan pelbagai parti komponen dalam Barisan Nasional.

Beliau berkata sistem gabungan itu amat baik kerana ia membolehkan pelbagai pemimpin etnik menyuarakan "perbezaan pendapat dengan cara yang harmoni".

"Perkara asas yang anda dapat lihat di sini ialah keharmonian rakyat daripada pelbagai etnik tinggal bersama-sama, anda telah capainya dengan mengguna pakai sistem berkongsi kuasa apabila pemimpin dari masyarakat berbeza mempunyai suara dalam mentadbirkan negara," katanya.

Beliau juga memuji kepimpinan dinamik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah berjaya membawa Malaysia keluar dari tempoh masa sukar.

"Kami melihat beliau sebagai seorang pemimpin bagi negara-negara membangun," kata Sahai.

Sahai yang memegang jawatan itu di Malaysia pada November 1996, akan bersara

pada 2 Sept. Beliau akan digantikan oleh Veena Sikri, Konsul Besar India di Hong Kong.

Mengenai perancangannya, beliau berkata: "Selepas ini, saya akan relaks dan bermain golf.

"Apa yang saya akan paling rindukan di Malaysia ialah penduduknya yang amat mesra dan baik yang membuatkan saya berasa berada di tanah air sendiri, alam sekitar yang hijau di Malaysia terutama padang golfnya dan cara anda menghias bandar raya anda pada musim-musim perayaan yang menjadikannya begitu indah," katanya.

-- BERNAMA

SM ES RHM MAI